



17 OCT, 2025

TNB salur 6,000mW tenaga boleh baharu rentas sempadan

Harian Metro, Malaysia



Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Bhd (TNB) di bawah inisiatif grid kuasa ASEAN (APG) sedang mengukuhkan saling sambung rentas sempadan untuk memastikan bekalan elektrik mesra alam dapat dibekalkan ke seluruh rantau ini.

Terdapat sekurang-kurangnya lima projek dalam saluran sedia ada yang membabitkan kapasiti gabungan melebihi 6,000mW tenaga boleh baharu yang akan dihantar melalui Malaysia.

Salah satu inisiatif terpenting ialah projek saling sambung Vietnam-Malaysia-Singapura, yang membabitkan pembangunan tenaga boleh baharu di Vietnam serta penghantaran ke Semenanjung Ma-

TNB salur 6,000mW tenaga boleh baharu rentas sempadan

laysia dan Singapura.

Kerjasama ini membabitkan TNB, Petronas, Semcorp dan Petrovietnam dalam menyokong grid kuasa ASEAN.

Di samping itu, TNB berada di peringkat akhir bagi membentuk konsortium untuk membangunkan saling sambung Sara-wak-Semenanjung Malaysia, yang akan membolehkan penghantaran tenaga hidroelektrik boleh baharu secara besar-besaran dari

Timur ke Malaysia Barat.

Ketua Pegawai Grid TNB, Hasmarizal Hassan berkata, kajian prakelayakan untuk projek sepanjang 700 kilometer itu, yang menghubungkan Sempadi berhampiran Kuching ke Sedili di Johor, siap pada awal tahun ini, membuka jalan bagi pembentukan konsortium yang membabitkan rakan kongsi tempatan dan antarabangsa.

"Kami sudah menyelesaikan kajian prakelayakan

kami pada awal tahun ini dan kini memuktamadkan rakan kongsi konsortium yang berpotensi. Ini akan menjadi usaha utama, yang mana, kami mensasarkan majoriti penyertaan daripada ekuiti tempatan, dengan baki saham akan dibuka kepada pemain antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bertajuk "Dari Saling Sambung kepada Integrasi : Membangunkan Grid Siap Sedia Yang Boleh Baharu ASEAN," di Forum Perniagaan Tenaga ASEAN 2025 di sini, kelmarin.

“ Kami sasarkan majoriti penyertaan daripada ekuiti tempatan Hasmarizal ”